


Newspaper	BERITA HARIAN
Date	09/01/2018

Percaturan pembangkang manfaatkan DAP, PPBM

BH-9/1/2018 Pg. 7



• Muafakat ditandatangani untungkan dinasti Lim, Dr Mahathir

Oleh Nazura Ngah

 nazura_ngah@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Percaturan politik gabungan pakatan pembangkang menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dilihat hanya memberi kelebihan kepada DAP dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) atau lebih tepat dinasti Lim dan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menerusi 'Muafakat Pakatan Harapan' ditandatangani Dr Mahathir selaku Pengerusi PPBM; Presiden PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Pengerusi DAP, Tan Kok Wai dan Presiden

Parti Amanah Negara (PAN), Mohamad Sabu, PPBM mempunyai kelebihan dari segi jawatan Perdana Menteri, manakala DAP dari segi agihan kerusi.

Penganalisis politik, Dr Ainal Adzellee Hasnul, berkata muafakat itu hanya memberi kelebihan kepada Dr Mahathir bagi jawatan Perdana Menteri kerana Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dibebaskan 8 Jun ini terpaksa menunggu lima tahun lagi untuk boleh bertanding PRU, satu jangka masa panjang dalam politik.

Beliau berkata, kompromi DI antara Dr Mahathir dan Ketua Umum PKR itu adalah semata-mata demi mencapai cita-cita politik masing-masing kerana hakikatnya kedua-dua individu itu tidak boleh bersama.

"Tempoh lama juga untuk Anwar mendapat pengampunan Yang di-Pertuan Agong dan jika diperkenankan pengampunan itu, ia akan menjadi pengampunan pertama untuk kes liwat.

Tak mudah lepas jawatan

"Saya juga berasakan tidak mudah untuk Dr Mahathir melepaskan jawatan Perdana Menteri. Jika di-

takdirkan Dr Mahathir meninggal dunia, akan berlaku pergolakan antara empat parti berkenaan untuk merebut jawatan itu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Ainal Adzellee berkata, walaupun di atas kertas, PPBM paling banyak diberi kerusi, iaitu 52, manakala DAP hanya 35, ia hanyalah agihan kerusi di Semenanjung.

Beliau berkata, menerusi percaturan politik disifatkan percaturan percubaan atau 'test market' itu, rakyat didendangkan kononnya PPBM bertanding paling banyak kerusi, namun hakikatnya DAP yang mendominasi pakatan pembangkang.

"DAP mempunyai permainan licik kerana angka itu tidak dicampur dengan kerusi Parlimen yang bakal ditandingi DAP di Sabah dan Sarawak.

"Sudah tentu jika dicampur kerusi Parlimen yang bakal ditandingi DAP di Sabah dan Sarawak, jumlah keseluruhan kerusi DAP bertanding melebihi PPBM. Harus diingat PPBM belum bertapak di Sabah dan Sarawak berbanding DAP," katanya.

Beliau berkata, kenyataan Setia-

usaha Agung pakatan itu, Datuk Saifuddin Abdullah bahawa tidak ada 'big brother' dalam gabungan empat parti berkenaan juga sedekar mahu menjaga hati PAN.

PAN paling rugi

Katanya, percaturan itu menyakikan PAN menjadi parti pembangkang paling rugi kerana mendapat agihan sedikit sedangkan mereka lebih 'senior' berbanding PPBM dalam gabungan itu.

Ainal Adzellee yakin pimpinan gabungan pembangkang khususnya PKR tidak yakin Anwar akan mendapat pengampunan Yang di-Pertuan Agong, sebaliknya keyakinan itu ditonjolkan untuk meraih keyakinan rakyat terhadap percaturan politik pembangkang.

"Dengan menyatakan Anwar akan diampunkan adalah satu strategi untuk meyakinkan rakyat bahawa Anwar adalah Perdana Menteri sebenar dan Dr Mahathir hanyalah Perdana Menteri sementara. Tidak pernah lagi ada Perdana Menteri sementara dalam mana-mana sistem pentadbiran di dunia," katanya.

muafakat itu hanya memberi kelebihan kepada Dr Mahathir bagi jawatan Perdana Menteri kerana Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dibebaskan 8 Jun ini terpaksa menunggu lima tahun lagi untuk boleh bertanding PRU, satu jangka masa panjang dalam politik"

Ainal Adzellee Hasnul,

 Penganalisis politik